



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# **Kenyataan Media**

## **Press Release**

### **Untuk Siaran Segera**

## **SKMM Bertindak Tegas Terhadap Dua Syarikat Pembekal Kandungan**

KUALA LUMPUR, 22 Mei 2012 - SKMM berjaya membawa pertuduhan ke atas dua syarikat pembekal kandungan iaitu Everest Mobile Sdn Bhd dan Makro Kiosk Berhad di Mahkamah Seksyen Sepang hari ini hasil dari siasatan ke atas aduan awam yang diterima berkaitan penyusutan kredit telefon bimbit pascabayar dan prabayar.

SKMM bertindak tegas terhadap pembekal kandungan yang tidak bertanggungjawab dan kurang beretika yang didapati aktif sejak dua tahun lalu dengan menggunakan kod ringkas yang dihantar kepada pengguna bersama dengan mesej yang mengelirukan sekaligus memperdaya pengguna untuk 'bersetuju' kredit mereka dipotong beransur-ansur tanpa sedar.

Contoh-contoh mesej yang mengelirukan pengguna ialah:

- i. "RM0.00 SMS/MMS content\*Telefon bimbit anda perlu aktifkan semula skrg!Sila sms ON DM dan ON DN ke 32655. Hubungi 21643273 utk utk optout servis. \*3gp" dan juga;



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

## **Kenyataan Media**

### **Press Release**

- ii. "RM0.00 Notis 0136676930: Anda diminta taip ON DQ ke 37272 segera untuk aktifkan SMS Content Terbaru sekrng! Tanpa caj pendaftaran".

Kedua-dua mesej tersebut memperdayakan pengguna dengan mengatakan telefon bimbit pengguna tidak aktif dan meminta pengguna menghantar kata kekunci langganan perkhidmatan kandungan mudah alih dan apabila pengguna menghantar kata kekunci ini, mereka sebenarnya melanggan kepada perkhidmatan tersebut dan boleh dikenakan caj secara berterusan oleh syarikat tersebut sehingga ianya ditamatkan.

Ketua Pegawai Kawal Selia Dan Pengawasan Industri SKMM, Dato' Jailani Johari berkata, "Bahagian Penguatkuasaan dan Siasatan SKMM bertindak di atas maklumat yang diperolehi daripada orang ramai dan siasatan telah dijalankan ke atas kedua-dua syarikat tersebut yang berselindung di sebalik nama pemberi perkhidmatan kandungan mudah alih."

"Potongan kredit pasca dan pra-bayar mangsa adalah dipercayai di antara RM1 hingga lebih RM3 sebanyak beberapa kali sebulan mengikut 'persetujuan' tanpa sedar mangsa," kata beliau.

Syarikat-syarikat yang memegang Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi, yang memberikan perkhidmatan kandungan mudah alih mesti mematuhi Standard Mandatori Bagi Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih di mana iklan SMS promosi mesti mempunyai maklumat terperinci harga dan



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

tidak melanggar Seksyen 242, Akta Komunikasi dan Multimedia (1998). Jika ingkar, mereka boleh di denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan pengguna telefon bimbit agar tidak terlalu mudah terpedaya dengan iklan-iklan yang diberikan oleh pemberi perkhidmatan dan sentiasa memastikan kesahihan mesej yang diterima sebelum memberikan tindakbalas bersetuju dengan promosi-promosi SMS yang ditawarkan oleh syarikat pembekal kandungan. Pengguna perlu lebih bijak dalam membuat sebarang keputusan untuk langganan SMS promosi yang ditawarkan kepada mereka.

Beliau juga menyeru kepada mereka yang telah menjadi mangsa pencuri kredit telefon bimbit agar segera membuat laporan kepada SKMM dengan datang sendiri ke pejabat SKMM yang berdekatan atau menghubungi talian bebas tol 1-800-888-030 atau emel kepada [aduanskmm@cmc.gov.my](mailto:aduanskmm@cmc.gov.my). Mereka juga boleh membuat aduan kepada Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) di talian bebas tol 1-800-18-2222 atau emel kepada [enquiries@cfm.my](mailto:enquiries@cfm.my).

[Tamat]

---

### **Nota kepada Editor:**

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Muhamad Tahir Muhamad Noor  
Director, Corporate Communications Department

Rahayu Abdul Aziz  
Deputy Director, Corporate Communications Department